

**GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN COVID-19 DI
PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) MANGSA BENCANA**

A. Pendahuluan

Semasa kejadian bencana alam seperti banjir, tanah runtuh atau kebakaran mangsa-mangsa bencana pada lazimnya akan ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah dikenal pasti di setiap Daerah dan Negeri. Keadaan penghuni yang ramai di PPS boleh menjadi punca kepada penularan penyakit COVID-19.

Langkah-langkah pencegahan COVID-19 di PPS perlu diamalkan dan diberi perhatian oleh semua penghuni dan agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan kebajikan mangsa di PPS. Penjarakan fizikal, amalan mencuci tangan yang betul, pemakaian pelitup muka, etika batuk dan bersin perlu diamalkan sepanjang masa.

Berikut ialah panduan pencegahan dan pengurusan COVID-19 di PPS yang boleh diguna pakai oleh semua agensi yang terlibat semasa kejadian bencana.

B. Proses Pemindahan Mangsa Bencana ke PPS

1. Pihak PKD dan JKN perlu sentiasa mengemaskini data pesakit COVID-19 dan kontak rapat yang dikuarantin di rumah masing-masing. Data ini perlu dikongsikan dengan agensi tindak balas supaya agensi berkenaan membuat persediaan sewajarnya sebelum melakukan proses pemindahan dan penyelamatan mangsa banjir.
2. Semasa pemindahan semua mangsa perlu mengekalkan jarak fizikal.
3. Mangsa banjir perlu memakai pelitup muka.
4. Petugas dari agensi yang terlibat perlu memakai PPE yang sesuai, serta mematuhi SOP dan *universal precaution* selagi mana yang mampu bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dan penyakit-penyakit berjangkit lain.
5. Mangsa banjir dalam kalangan kontak rapat atau/dan kes COVID-19 kategori satu (1) dan dua (2) perlu dipindahkan secara berasingan daripada mangsa banjir yang lain. Sekiranya percampuran dalam kalangan mangsa yang positif COVID-19/ kontak rapat/ PUS / bergejala (COVID-19 *negative*)

tidak dapat dielakkan semasa proses pemindahan, mangsa yang dipindahkan bersama perlu dipindahkan dengan pematuhan SOP yang ketat serta diasingkan daripada mangsa lain di PPS. Ujian saringan RTK Antigen perlu dilakukan kepada mereka walaupun tidak bergejala. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) hendaklah sentiasa mengemaskini data profil kontak rapat atau/dan kes COVID-19 kategori satu (1) dan dua (2) bagi membantu pihak agensi tindakbalas membuat persediaan dan perancangan dalam proses pemindahan mangsa banjir.

C. Kriteria Penempatan Mangsa di PPS berdasarkan Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Zon COVID-19

1. Pemilihan sekolah sebagai PPS adalah diutamakan berbanding sebuah dewan bagi memudahkan proses pengasingan keluarga dibuat mengikut bilik darjah.
2. Percampuran penghuni dari zon COVID-19 yang berlainan perlu dielakkan. Namun, sekiranya tidak dapat dielakkan, pengasingan di PPS perlu dilakukan di antara penghuni dari zon yang berlainan, termasuk kawasan gunasama seperti kaunter pendaftaran, kaunter saringan, tandas, sinki, dan tempat mengambil makanan.
3. Bagi kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), lokasi PPS seharusnya berada di dalam kawasan tersebut.
4. Sekiranya melibatkan mangsa dari PKPD, semua petugas perlu memakai *3-ply mask* dan jika mengendalikan mangsa, perlu menggunakan sarung tangan getah.
5. Mangsa daripada PKPD perlu ditempatkan di PPS berasingan daripada mangsa bencana dari kawasan bukan PKPD.
6. Sekiranya bencana bertambah buruk dan membahayakan nyawa, serta tiada tempat pemindahan yang sesuai di dalam kawasan PKPD, maka mangsa perlu dipindahkan ke PPS di luar kawasan PKPD yang paling hampir.

7. Sekiranya mangsa dari PKPD dan dari kawasan bukan PKPD terpaksa ditempatkan di PPS yang sama, pengasingan antara mangsa dari dua kawasan tersebut perlu dilakukan, termasuk kawasan gunasama.

D. Persediaan PPS Sebelum Pendaftaran Masuk

Agensi yang bertanggungjawab perlu memastikan;

1. Kapasiti sedia ada PPS perlu disesuaikan dengan mengambilkira penjarakan fizikal kubikel bagi mencegah penularan COVID-19. Bilangan PPS perlu ditambah bagi menampung bilangan mangsa bagi memastikan SOP norma baru dipatuhi.
2. Keutamaan tempat untuk dijadikan PPS ialah tempat yang mempunyai kemudahan asas yang baik, dan tidak bercampur daripada segi pengguna serta memudahkan proses pengasingan mangsa mengikut keluarga. Mengambilkira perkara ini, PPS seperti sekolah diutamakan kerana mempunyai kelas dan kemudahan asas seperti tandas yang berasingan mengikut blok dan tingkat.
3. Penggunaan tempat yang terbuka sebagai PPS seperti kawasan rumah ibadat adalah tidak sesuai kerana kesukaran untuk pengasingan mangsa dan penjarakan fizikal di tempat umum dan juga di tempat kemudahan asas yang digunakan bersama.
4. Bagi PPS di sekolah, satu bilik darjah bagi satu keluarga adalah diutamakan. Manakala dalam situasi yang tidak mengizinkan, tempat tinggal setiap keluarga perlu dijarakkan melebihi satu (1) meter atau bersekat.
5. JPBN/D perlu memastikan stok topeng muka, sarung tangan, handwash (kegunaan bilik air) dan hand sanitizer bagi keperluan petugas dan mangsa adalah mencukupi.
6. Semua PPS perlu dipastikan mempunyai pengudaraan yang mencukupi dengan cara membuka pintu, tingkap dan menghidupkan kipas, atau mana-mana cara yang patut selagi mana didapati sesuai dengan keadaan PPS tersebut.

7. Semua PPS mesti memastikan stesen cuci tangan dilengkapi air dan sabun atau *hand sanitizer*.
8. Semua PPS mesti meletakkan amaran menjaga jarak fizikal dan membuat penandaan jarak di tempat-tempat yang melibatkan kawasan gunasama.
9. Semua PPS mesti memastikan stesen cuci tangan atau *hand sanitizer* di letakkan di lokasi yang strategik di pintu masuk/keluar PPS dan di dalam PPS.
10. Semua PPS perlu menyediakan pengimbas suhu dan dipastikan boleh berfungsi dengan baik.
11. Penghadang/ kubikel/ khemah mesti dijarakkan sekurang-kurangnya satu (1) meter sekiranya berkaitan.
12. Semua PPS perlu memastikan poster pemakaian pelitup muka, etika batuk dan bersin, serta *hand hygiene* yang bersesuaian ditampal di lokasi yang strategik untuk makluman/ peringatan kepada mangsa yang ditempatkan dan anggota yang bertugas.
13. Semua PPS perlu memastikan keperluan mangsa terhadap bekalan air bersih dan selamat, serta sanitasi yang baik disediakan.
14. Tandas bergerak perlu ditambah di PPS sekiranya jumlah tandas sedia ada tidak mampu menampung keperluan jumlah mangsa yang ditempatkan.
15. Mereka yang bergejala, kontak rapat atau/dan kes Covid-19 kategori satu dan dua perlu diasingkan mengikut ruang khas/isolasi yang dikenalpasti.

E. Semasa Pendaftaran Masuk di PPS

1. Semasa pendaftaran, semua mangsa bencana perlu menjarakkan diri secara fizikal di antara satu sama lain sekurang-kurangnya 1 meter.
2. Semua mangsa bergejala, kontak rapat atau/dan kes COVID-19 Kategori satu (1) dan dua (2) hendaklah dikenalpasti, diasingkan daripada mangsa banjir yang lain dan diperiksa oleh anggota pasukan perubatan dari semasa ke semasa.

3. Sekiranya percampuran dalam kalangan mangsa yang positif COVID-19/ kontak rapat/ PUS / bergejala (COVID-19 *negative*) tidak dapat dielakkan semasa proses pemindahan, mangsa yang dipindahkan bersama perlu kenalpasti dan diasingkan daripada mangsa lain di PPS. Ujian saringan RTK Antigen perlu dilakukan kepada mangsa yang dipindahkan bersama dengan mangsa positif COVID-19/ kontak rapat/ PUS / bergejala (COVID-19 *negative*) walaupun tidak bergejala.
4. Semua mangsa perlu disaring terlebih dahulu untuk gejala dan faktor risiko COVID-19 sebelum masuk ke PPS. Perkara asas yang akan dibuat ketika ini adalah seperti berikut (dan bergantung kepada situasi dan arahan semasa).
5. Ujian COVID-19 perlu dilakukan jika:
 - Suhu badan > 37.5°C, dan
 - Merupakan kontak rapat kepada pesakit positif COVID-19, atau
 - Mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari lepas, atau
 - Mempunyai sejarah kontak dengan mana-mana individu dalam Kluster positif COVID-19, atau
 - Bergejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah nafas
 - Individu yang telah diarah untuk menjalani pemantauan di rumah (HSO) dan masih dalam tempoh HSO
 - Mangsa banjir yang bercampur dengan golongan berisiko semasa perpindahan walaupun tidak bergejala
6. Semasa pendaftaran, tumpuan perlu diberikan untuk mengenal pasti individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, obes, ibu hamil, bayi dan kanak-kanak, mereka yang memerlukan rawatan lanjut seperti dialisis, orang kelainan upaya dan sebagainya.
7. Golongan berisiko dan mangsa positif COVID-19/ kontak rapat/ PUS / bergejala (COVID-19 *negative*) yang berada di kawasan berisiko banjir dinasihatkan agar berpindah lebih awal sebelum banjir melanda, bagi mengurangkan risiko percampuran dengan mangsa yang lain semasa proses pemindahan dan penyelamatan mangsa banjir.

8. Mangsa banjir yang baru dipindahkan ke PPS dan didapati positif COVID-19 semasa ujian RTK Antigen, atau mangsa banjir positif COVID-19 yang diisolasi di rumah perlu dipindahkan sama ada ke Pusat Kuarantin Risiko Rendah COVID-19 (PKRC) atau hospital, mengikut kesesuaian kategori pesakit.
9. Carta alir proses saringan kemasukan adalah seperti di Lampiran 1
10. Semua mangsa perlu ditempatkan mengikut keluarga masing-masing dan tiada percampuran di antara ahli keluarga yang berlainan.
11. *Hand sanitiser* atau tempat membasuh tangan mesti disediakan sebelum pendaftaran.
12. Anggota yang melakukan pendaftaran perlu memakai sekurang-kurangnya *3-ply mask*.

F. Semasa di Pusat Penempatan Sementara

1. Makanan yang dihidangkan tidak boleh menggunakan konsep *buffet* atau mengambil sendiri, sebaliknya perlu dibungkus secara berasingan (*individually packed*).
2. Makanan perlu dihantar kepada setiap mangsa / keluarga dan bukan diambil sendiri atau hanya ketua keluarga dibenarkan datang untuk mengambil makanan yang dibungkus.
3. Satu bilik darjah bagi satu keluarga adalah diutamakan. Manakala dalam situasi yang tidak mengizinkan, tempat tinggal setiap keluarga perlu dijarakkan melebihi satu (1) meter atau bersekat.
4. Semua mangsa banjir yang dipindahkan ke PPS wajib memakai *3-ply mask*.
5. Semua mangsa tidak digalakkan bergerak dari kawasan kubikel atau bilik darjah masing-masing. Menziarahi keluarga lain di PPS adalah tidak dibenarkan.
6. Sebarang perhimpunan sosial di PPS termasuk solat berjemaah tertakluk

kepada SOP Fasa PPN yang masih dikuatkuasakan di kawasan bencana.

7. Aktiviti pendidikan kesihatan norma baru perlu menekankan penjarakan fizikal, amalan pemakaian pelitup muka, amalan mencuci tangan, etika batuk dan bersin.
8. Vaksinasi : Mengambil peluang keberadaan mangsa di PPS, pihak PKD disarankan untuk melaksanakan vaksinasi bagi mereka yang belum menerima / yang belum lengkap / penggalak (*booster*) dengan mengambilkira kesesuaian logistik dan praktik di PPS.
9. Ruang khas / isolasi untuk mengasingkan mereka yang bergejala, kontak rapat atau/dan kes Covid-19 Kategori satu (1) dan dua (2) hendaklah ditempatkan di ruang yang bersesuaian supaya *cross contamination* melalui pengaliran udara dalaman PPS tidak berlaku. Ruang khas / isolasi juga perlu dilabelkan untuk mengelakkan mangsa yang tidak berkenaan masuk ke ruang tersebut.
10. Laluan ke ruang khas / isolasi dan laluan mangsa tidak bergejala perlu diasingkan sekiranya berkaitan.
11. Anggota kesihatan yang merawat mangsa di ruang khas / isolasi tidak boleh memasuki kawasan penempatan mangsa yang tidak bergejala bagi mengurangkan risiko jangkitan.
12. Pihak yang menguruskan PPS perlu membuat disinfeksi bersasar secara berkala di tempat gunasama oleh mangsa, seperti tombol pintu, tandas dan lain-lain tempat gunasama.
13. Mangsa di PPS mesti mencuci tangan dengan sabun dan air, atau menggunakan *hand sanitiser* seberapa kerap terutamanya selepas bersin, batuk, sebelum dan selepas makan serta menggunakan tandas.
14. Semua pihak (petugas, pelawat, media dan NGO) perlu mematuhi SOP Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) atau mana-mana peraturan yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh pengoperasian PPS, termasuk mendaftar dan menjalani saringan kesihatan minimum.

15. Semua pelawat yang mendapat kebenaran Pengurus PPS perlu mendaftar dan menjalani saringan kesihatan asas di PPS.
16. Pelawat awam tidak dibenarkan di PPS.

G. Penutupan PPS

1. Semua mangsa banjir adalah dinasihatkan untuk mendapat rawatan lanjut sekiranya bergejala selepas pulang ke rumah.
2. Semua mangsa dalam kalangan kontak rapat atau/dan kes Covid-19 Kategori satu (1) dan dua (2) perlu meneruskan isolasi di kediaman masing-masing atau tempat kuarantin yang diarahkan sehingga tamat tempoh.
3. Aktiviti pembersihan dan disinfeksi bersasar di PPS perlu dilakukan selepas semua mangsa pulang.

H. Pengurusan sisa pepejal di PPS.

1. Kuantiti tong sampah bertutup yang mencukupi perlu disediakan di PPS.
2. Pelitup muka dan tisu yang digunakan untuk batuk atau bersin perlu dibuang dengan segera ke dalam tong sampah yang tertutup.
3. Sampah dibungkus dan diikat kemas dalam beg plastik sampah sebelum dibuang untuk kutipan syarikat perkhidmatan sisa pepejal secara berkala.
4. Sekiranya perkhidmatan kutipan tidak disediakan oleh pihak berwajib, sampah berkenaan perlu ditanam atau dibakar dengan terkawal.
5. Cuci tangan dengan bersih selepas membuang sampah.

I. Pengurusan kontak rapat atau/dan kes Covid-19 kategori satu (1) dan dua(2)

Pengurusan kontak rapat atau/dan kes Covid-19 Kategori satu (1) dan dua (2) di PPS adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2021 bertajuk Pengurusan Kes Covid-19 dan Kontak Rapat Semasa Pandemik Covid-19 Pada Tahun 2021.

J. Senarai semak keperluan asas di PPS

Agensi yang terlibat dengan persediaan pembukaan PPS hendaklah memastikan keperluan asas berikut mencukupi, boleh berfungsi dan diletakkan di lokasi yang strategik.

- Infrared termometer
- Pelitup muka
- Hand sanitizer
- Sabun
- Tisu

K. Perkara – perkara lain

1. SOP berkaitan badan sukarela perlu mematuhi SOP Pengurusan Bencana dan Pergerakan Agensi Tindak Balas (Responder), Mencari dan Menyelamat (SAR), dan Badan-Badan Sukarela Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) 2021
2. Secara amnya, SOP pergerakan perlu dipatuhi berdasarkan Fasa Pelan Pemulihan Negara yang telah ditetapkan di negeri yang berkaitan.
3. Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam (Annex 36) juga turut terpakai bersama garis panduan ini.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SENARAI SEMAK PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN COVID-19 UNTUK
MANGSA BENCANA DI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA


BIL	PERKARA	YA	TIDAK
A. Persediaan Pembukaan Pusat Pemindahan Sementara			
1	Mengutamakan penggunaan bilik darjah sekolah sebagai PPS berbanding dewan		
2	Setiap keluarga diasingkan di bilik darjah yang berbeza. Sekiranya dewan digunakan penghadang/ kubikel/ khemah untuk setiap keluarga dijarakkan sekurang-kurangnya satu (1) meter bagi PPS di dewan		
3	Pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala COVID-19 dilakukan semasa pendaftaran		
4	Bekalan 3-ply mask disediakan untuk diedar kepada mangsa		
5	Lokasi PPS perlu dikenal pasti di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertingkatkan (PKPD)		
6	Mangsa daripada PKPD perlu ditempatkan di PPS berasingan daripada mangsa bencana dari kawasan bukan PKPD sekiranya berkaitan		
7	PPS perlu dipastikan mempunyai pengudaraan yang mencukupi		
8	Kemudahan tempat mencuci tangan dilengkapi sabun / <i>hand sanitizer</i> mencukupi dan ditempatkan di lokasi strategik		
9	Bekalan makanan kepada mangsa dibungkus (<i>individually packed</i>) sahaja		
10	Poster etika batuk dan bersin, amalan pemakaian pelitup muka, dan amalan mencuci tangan dengan betul ditampal di lokasi yang strategik		
11	Bekalan air di PPS perlu dipastikan bersih dan selamat.		
12	Terdapat ruang isolasi yang bersesuaian dan berlabel bagi mengasingkan mereka yang bergejala dan tidak sihat di PPS		
13	Tandas bergerak disediakan di PPS sekiranya jumlah tandas sedia ada tidak mencukupi		
B. Proses Pemindahan Mangsa Bencana ke Pusat Pemindahan Sementara			
1	Semua mangsa mengekalkan jarak fizikal melebihi satu (1) meter semasa pemindahan		
2	Semua mangsa memakai pelitup muka		

C. Penempatan Mangsa di Pusat Pemindahan Sementara			
1	Mangsa disaring terlebih dahulu untuk gejala dan faktor risiko COVID-19 sebelum masuk ke PPS		
2	Penempatan adalah seperti berikut: i. Kes positif COVID-19 perlu diisolasi di PKRC/ PPS Khas/ rujuk hospital ii. Kontak rapat/ PUS perlu dikuarantin di PPS Khas atau PPS yang sama tetapi berlainan blok iii. Mangsa bergejala (COVID-19 <i>negative</i>) perlu dikuarantin		
3	Terdapat ruang isolasi yang dilabelkan dengan jelas di PPS		
4	Mangsa dibekalkan 3-ply mask.		
5	Pasukan Perubatan hadir memeriksa mangsa bergejala, kontak rapat atau/dan kes COVID-19 kategori satu (1) dan dua (2)		
6	Semua mangsa tidak digalakkan bergerak dari bilik darjah atau kubikel masing-masing		
7	Sabun dan <i>hand sanitizer</i> disediakan di PPS		
8	Makanan dibungkus dan dihantar kepada setiap keluarga		
9	Tiada sebarang aktiviti perhimpunan dan perkumpulan di PPS		
10	Pendidikan kesihatan berkaitan penjarakan fizikal, amalan pemakaian pelitup muka, amalan mencuci tangan dengan betul, dan etika batuk dan bersin dilakukan		
11	Disinfeksi bersasar dijalankan secara berkala di kawasan gunasama seperti tombol pintu dan tandas		
D. Selepas Tamat Penempatan			
1	Semua mangsa perlu memakai pelitup muka dan diperiksa anggota kesihatan sebelum dibenar pulang		
2	Disinfeksi bersasar perlu dilakukan selepas semua mangsa pulang		

Disediakan oleh:

Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
Bahagian Kawalan Penyakit

Lampiran 1 : Carta alir proses kemasukan ke PPS



Peranan Petugas

Pasukan Penyelamat

Petugas PPS

Petugas PPS

Petugas PPS

Pasukan Perubatan PKD

Pasukan Perubatan PKD

*Mangsa banjir yang dipindahkan bersama mangsa berstatus positif COVID-19/ kontak rapat/ PUS / bergejala (COVID-19 negative) perlu dianggap berisiko tinggi dan perlu membuat ujian RTK Antigen dan diasingkan daripada mangsa banjir yang lain